

***TAFSIR NUR AL-IHSAN* OLEH SYEIKH MUHAMMAD
SA'ID: SATU KAJIAN BANDINGAN**

Oleh

MOHD SHOLEH BIN SHEH YUSUFF

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
OGOS 2014**

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan Sekalian Alam yang dengan nikmat dan keizinanNya, tesis ini dapat disiapkan dalam tempoh yang diizinkanNya. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang mewariskan ilmu kepada umat Islam sehingga tidak terkira banyaknya.

Penghargaan dan ribuan terima kasih ditujukan kepada pihak MyBrain15, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, kerana telah membantu pengkaji dari segi perbelanjaan kewangan sehingga kajian ini siap dijalankan.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia Utama Ustaz Dr. Mohd Nizam Sahad, dan Penyelia Bersama Profesor Madya Dr. Siti Hajar Che Man yang telah banyak menyelia, membantu, membimbing dan menasihati pengkaji sehingga berhasil menyiapkan tesis ini. Kesungguhan dan ketelitian anda berdua menyemak penulisan tesis ini amatlah dihargai. Semoga Allah SWT membalas keperihatinan kalian dengan sebesar-besar pembalasan.

Kepada Prof. Dr. Sohaimi bin Abdul Aziz, Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dan Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia di atas nasihat dan dorongan yang telah diberikan. Tunjuk ajar ilmu dan bimbingan yang dicurahkan amat berguna bagi menyiapkan tesis ini sekaligus memberi pengalaman berharga kepada pengkaji.

Sekalung doa dan ucapan terima kasih buat bonda dan ayahanda tercinta iaitu Hajjah Hasnah Binti Haji Sudin dan Haji Sheh Yusuff Bin Haji Mahamud yang telah mencurahkan kasih sayang yang tidak pernah pudar. Kalian mengajar pengkaji erti kehidupan dan pengorbanan. Dorongan dan doa yang tidak pernah putus membangkit

semangat pengkaji dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Semoga Allah SWT mengganda limpahan rahmatNya kepada kedua-duanya.

Teristimewa buat isteri tercinta Ustazah Nurul Husna Ali di atas sokongan dan dorongan yang diberikan. Walaupun pengkaji terpaksa memberi tumpuan kepada penulisan tesis ini dan terkadang kurang memberi perhatian kepada beliau, namun beliau tetap tabah, sabar dan sentiasa tersenyum dengan tujuan memberi kelapangan kepada pengkaji. Pengkaji berdoa agar beliau tergolong dalam kalangan para isteri solehah yang bakal mendapat anugerah yang amat bernilai di sisi Allah SWT, tidak lupa anak-anak tersayang Nur Zatil 'Iffah dan Nur Aisyah Humaira' yang membahagiakan pengkaji sekeluarga.

Terima kasih juga atas sokongan bapa saudara pengkaji Pakcik Idris, Paksu Alias, dan Paklang Roslan yang memberi semangat dan dorongan kepada pengkaji, kepada semua ahli keluarga pengkaji, juga kepada Pakcik Razak yang merupakan cucu Syeikh Muhammad Sa'id pengarang karya yang dikaji di atas penerangan dan bantuan berupa sumbangan artikel berkaitan diri pengarang yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan khusus kepada Abang Lan (PPIK) yang membantu pengkaji mencetak tesis ini, semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengkaji dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada orang lain untuk memperkembangkan budaya ilmu dalam anggota masyarakat.

Sekian, wassalam.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI TRANSLITERASI	viii
SENARAI ISTILAH	xi
SENARAI JADUAL	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xv
BAB I PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Penyataan Masalah Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Tinjauan Kajian Lepas	10
1.6 Skop Kajian	16
1.7 Metodologi Kajian	18
1.7.1 Metode Pengumpulan Data	18
1.7.2 Metode Penganalisan Data	20
1.8 Organisasi Tesis	22

BAB II	PENDEKATAN GENETIK: LATAR BELAKANG, DEFINISI DAN PRINSIP	
2.1	Pendahuluan	24
2.2	Kajian Bandingan	24
2.3	Pendekatan Genetik	25
2.3.1	Kajian Sumber	33
2.3.2	Kajian Penerimaan	36
2.4	Prinsip-Prinsip Pendekatan Genetik	38
2.4.1	Aspek Intrinsik	38
2.4.2	Aspek Ekstrinsik	39
2.5	Rumusan	43
BAB III	RIWAYAT HIDUP SYEIKH MUHAMMAD SA'ID DAN <i>TAFSIR NUR AL-IHSAN</i>	
3.1	Pengenalan	46
3.2	Tradisi ilmu di Kedah	46
3.3	Latar Belakang Syeikh Muhammad Sa'id	50
3.3.1	Nama Penuh Pengarang	51
3.3.2	Kelahiran dan Proses Membesar	52
3.3.3	Kehidupan dan Keluarga	53
3.3.4	Pendidikan	54
3.3.5	Mazhab dan Aliran Tarekat	59
3.3.6	Sumbangan Syeikh Muhammad Sa'id	61
3.3.7	Kematian Syeikh Muhammad Sa'id	67
3.4	Pengenalan <i>Tafsir Nur al-Ihsan</i>	68
3.5	Faktor Penulisan	70
3.6	Metodologi Penulisan Karya	71

3.6.1	Teknik Penyampaian	71
3.6.2	Fadilat - Fadilat	75
3.6.3	Sebab Nuzul Ayat	76
3.6.4	<i>al-Isrā'īliyyāt</i>	77
3.6.5	<i>al-Nāsikh</i> dan <i>al-Mansūkh</i>	80
3.7	Metodologi Pentafsiran	81
3.7.1	<i>al-Tafsīr al-Ma'thūr</i>	81
3.7.2	<i>al-Tafsīr bi al-Ra'yī</i>	85
3.7.3	<i>al-Tafsīr al-Mawḍū'ī</i>	91
3.7.4	<i>al-Tafsīr al-Ṣūfī</i>	91
3.7.5	<i>al-Tafsīr al-Fiqhī</i>	93
3.7.6	<i>al-Tafsīr al-Ilmī</i>	94
3.8	Rumusan	96
BAB IV	PENGARUH KARYA TAFSIR TERHADAP TAFSIR NUR AL-IHSAN	
4.1	Pendahuluan	98
4.1.1	<i>Tafsīr al-Jalālyn</i>	100
4.1.2	<i>Tafsīr al-Bayḍāwī</i>	111
4.1.3	<i>Tafsīr al-Jamal</i>	120
4.1.4	<i>Tafsīr al-Khāzin</i>	130
4.1.5	<i>Tafsīr al-Baghawi</i>	140
4.1.6	<i>Tafsīr al-Ṭabari</i>	149

4.1.7	<i>Tafsīr al-Qurṭubi</i>	155
4.1.8	<i>Tafsīr al-Rāzi</i>	165
4.1.9	<i>Tafsīr al-Nasafi</i>	173
4.1.10	<i>Tafsīr Ibn Kathīr</i>	179
4.1.11	<i>Tafsīr al-Tha'labi</i>	185
4.2	Rumusan	191

BAB V KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1	Kesimpulan	193
5.2	Saranan dan Cadangan	205

RUJUKAN

LAMPIRAN

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sy	شمس	syams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmār

ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣala
ي	y	يسار	yasār

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَلَ	Fa‘ala
اِ	i	حَسِبَ	ḥasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
آ ، اِى	ā	كاتب ، قضى	kātib, qaḍā
يِ	ī	كريم	karīm
وِ	ū	حروف	ḥurūf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَوْ	aw	قول	qawl
اَيِّ	ay	سيف	sayf
اَيِّ	iyy/i	رجعي	raj‘iyy / raj‘i
اَوْ	uww/ū	عدو	‘aduww / ‘adu

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasi kepada ‘a’ bukan kepada `a. Contoh: أكبر , transliterasi: *akbar* bukan `akbar.
2. Huruf Arab ة , (*tā’ marbuṭah*) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. Contohnya: وزارة التعليم , transliterasi: *wizarat al-ta‘līm*, bukannya *wizarah al-ta‘līm*. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *tā’ marbuṭah* ditransliterasikan kepada h.

Contoh

Transliterasi

- | | |
|--------------------|-------------------------|
| 1. المكتبة الأهلية | al-Maktabat al-Ahliyyah |
| 2. قلعة | qal‘ah |
| 3. دار وهبة | Dār Wahbah |

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi* (1988). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

SENARAI ISTILAH

Aforisme	Ungkapan yang tepat, ringkas dan jelas yang mengandungi atau melahirkan suatu kebenaran umum, pepatah, bidalan dan peribahasa.
Deskriptif	Bertujuan untuk memberikan deskripsi iaitu keterangan yang bertujuan memberi gambaran mental tentang sesuatu yang dialami.
Ekstrinsik	Pengaruh luaran yang berkaitan dengan kandungan karya.
Estetik	Suatu nilai yang bukan keindahan atau penghargaan terhadap sesuatu keindahan.
Genre	Kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu.
Infra	Menunjukkan bahawa hal berkenaan akan dibincangkan di tempat lain.
Intrinsik	Pengaruh dalaman yang terdapat dalam karya.
Interprestasi	Membuat tafsiran atau penjelasan tentang makna, tujuan, implikasi dan sebagainya.
Kualitatif	Berdasarkan kualiti atau mutu.
Semantik	Kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata.
Signifikan	Bermakna atau penting.
Sosialisasi	Perihal perbuatan bergaul dan bermesra antara satu sama lain.
Statik	Berkeadaan tidak aktif.

- Subjektif Berasaskan pandangan orang atau pihak yang melihat atau menilai.
- Tipikal Bersifat seperti lazim terdapat, merupakan contoh sesuatu jenis.
- Transformasi Pemindahan, penjelmaan, atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain.
- Wacana Kesatuan fikiran yang utuh.

SENARAI JADUAL

		Hlm
4.1	Karya-karya yang dirujuk dalam <i>Tafsir Nur al-Ihsan</i> .	99
4.2	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Jalālyn</i> .	102
4.3	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Bayḍāwī</i> .	113
4.4	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Jamal</i> .	122
4.5	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Khāzin</i> .	132
4.6	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Baghawi</i> .	141
4.7	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Ṭabari</i> .	150
4.8	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Qurṭubi</i> .	157
4.9	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Rāzi</i> .	167
4.10	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Nasafi</i> .	175
4.11	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir Ibn Kathir</i> .	181
4.12	Bentuk ambilan pengarang dalam menggunakan teks <i>Tafsir al-Tha'labi</i> .	187

TAFSIR NUR AL-IHSAN OLEH SYEIKH MUHAMMAD SA 'ID: SATU KAJIAN BANDINGAN

ABSTRAK

Tafsir Nur al-Ihsan merupakan sebuah karya dalam bidang tafsir al-Quran yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar. Karya ini digunakan sebagai rujukan masyarakat dalam memahami isi kandungan al-Quran. Namun demikian, terdapat banyak kritikan yang dilakukan terhadapnya oleh sebahagian masyarakat disebabkan pengarang tidak menyatakan sumber ambilan dengan jelas dalam mentafsirkan ayat al-Quran. Hal ini telah mengelirukan masyarakat mengenai kesahihan tafsiran-tafsiran yang dibuat. Oleh itu, objektif utama penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengkaji dan mengesan sumber asal pengarang dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*, di samping memperlihatkan bagaimana sumber itu dimanifestasikan. Proses menganalisis *Tafsir Nur al-Ihsan* ini akan menggunakan pendekatan genetik dalam mengkaji sumber asal tersebut. Penyelidikan ini akan merujuk kepada *Tafsir Nur al-Ihsan* dan karya-karya yang dirujuk oleh pengarang, dan seterusnya membuat perbandingan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaannya. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebelas buah sumber yang telah dirujuk oleh Syeikh Muhammad Sa'id dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan* iaitu *Tafsir al-Jalalyn*, *Tafsir al-Jamal*, *Tafsir al-Baydawi*, *Tafsir al-Khazin*, *Tafsir al-Baghawi*, *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir al-Qurtubi*, *Tafsir al-Razi*, *Tafsir al-Nasafi*, *Tafsir Ibn Kathir*, dan *Tafsir al-Tha'labi*. Dapatan kajian ini amat signifikan dalam memartabatkan *Tafsir Nur al-Ihsan* sekaligus menghilangkan keraguan masyarakat terhadap isi kandungannya.

TAFSIR NUR AL-IHSAN BY SYEIKH MUHAMMAD SA 'ID: A COMPARATIVE STUDY

ABSTRACT

Tafsir Nur al-Ihsan is a masterwork in the Quranic exegesis written by Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar. This work has been used as a reference by the community in order to understand the meaning of the Quran. However, the work has been criticized by the community due to the lack of sources in construing the Quran's verses. This causes a misleading on the validity of the interpretations made. Therefore, the main objectives of this research are to study and identify the original sources used by the author, besides examine how the sources are taken. The genetic approach is used while analysing the original sources of this work. In order to complete this research, the work of *Tafsir Nur al-Ihsan* and the original sources have been compared to identify all the similarities and differences between them. As a result, there are eleven sources that have been referred by Syeikh Muhammad Sa'id which are *Tafsir al-Jalalyn*, *Tafsir al-Jamal*, *Tafsir al-Baydawi*, *Tafsir al-Khazin*, *Tafsir al-Baghawi*, *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir al-Qurtubi*, *Tafsir al-Razi*, *Tafsir al-Nasafi*, *Tafsir Ibn Kathir*, and *Tafsir al-Tha'labi*. This study is significant as it can prove the authorization of *Tafsir Nur al-Ihsan*, thus to avoid the community's doubt towards the work.

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Penulisan karya Islam dan terjemahan ke dalam bahasa Melayu berkembang seawal kedatangan Islam lagi. Penelitian dan terjemahan ini melibatkan pelbagai bidang dan cabang ilmu seperti fiqah, akidah, tafsir, hadis, usuluddin, dan tasawuf. Karya-karya ini terus menjadi rujukan dewasa ini di samping digunakan oleh para sarjana untuk tujuan ilmiah. Hal ini membuktikan kejayaan ulama terdahulu yang menghasilkan penulisan mereka. Antara ulama tersebut termasuklah Haji Muhammad Sa'id bin Omar Qāḍī Jitra al-Qadhī¹ yang merupakan salah seorang tokoh ulama yang telah menghasilkan karya yang telah memberi sumbangan dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

Beliau merupakan seorang ulama yang telah dilantik sebagai pegawai agama Daerah Jitra di negeri Kedah Darul Aman pada era 1920-an². Sebagai seorang ulama, Syeikh Muhammad Sa'id bukan sahaja proaktif dalam pentadbiran dan pendidikan, malahan beliau juga telah menghasilkan karya dalam dua bidang disiplin ilmu iaitu tafsir al-Quran dan fiqah.

¹ Selepas ini disebut sebagai Syeikh Muhammad Sa'id

² Mohd Nazimi Zaim, 2010, "Kajian Takhrij Hadith Dalam Tafsir Nur Al-Ihsan", Tesis *Sarjana yang tidak diterbitkan*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, hlm. 64.

Salah satu karyanya yang terkenal yang menjadi pilihan guru-guru³ khususnya di Kedah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dalam bidang tafsir al-Quran ialah *Tafsir Nur al-Ihsan* yang sangat dikenali oleh masyarakat Melayu khususnya di Malaysia. Dalam bahagian pendahuluan *Tafsir Nur al-Ihsan*, Syeikh Muhammad Sa'id berkata; “*dan adalah tempat perpegangan hamba padanya itu Tafsir Jalalyn dan Baydawi dan Jamal dan lainnya daripada segala kitab tafsir al-Quran*”⁴. Pernyataan dari pengarang ini bermaksud ketika *Tafsir Nur al-Ihsan* dihasilkan, pengarang menjadikan *Tafsir al-Jalālyn*, *Tafsir al-Bayḍāwī*, *Tafsir al-Jamāl* sebagai rujukan utama, dalam masa yang sama karya-karya tafsir yang lain juga dirujuk oleh pengarang, tetapi karya-karya itu tidak dijadikan sebagai rujukan utama beliau. Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan ini akan memperlihatkan apakah kitab tafsir yang menjadi rujukan utama pengarang dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*?, seterusnya akan menghuraikan teks tafsir yang manakah lebih dominan dalam mempengaruhi perubahan teks *Tafsir Nur al-Ihsan*?, dan sebaliknya adakah teks dari *Tafsir al-Jalālyn* yang mendominasi kitab ini?.

³ Berikut adalah beberapa tokoh ilmunan yang menggunakan *Tafsir Nur al-Ihsan* sebagai bahan pengajaran:

- a. Dato' Syeikh Haji Abdul Hamid Tahir dalam kuliahnya di PAKSI (Pusat Khidmat Sosial Islam), Pusat Zakat, Alor Setar Kedah,
- b. Dato' Ustaz Shamsuri Haji Ahmad dalam kuliahnya di Masjid Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah,
- c. Ustaz Abdul Muthalib bin Maarof dalam kuliah minggunya di Yayasan al-Nahdhoh, Kubang Semang Pulau Pinang,
- d. Ustaz Ahmad Izzat bin Shauqi dalam kuliah bulanannya di Masjid Telok Cengai, Alor Setar Kedah,
- e. Ustaz Ahmad Rethauddin bin Abdul Wahhab dalam kuliah bulanannya di Masjid Kilang Lama, Kulim Kedah,
- f. Ustaz Rijaluddin bin Yahya dalam kuliah bulanannya di PAKSI, Parit Buntar Perak,
- g. Ustaz Sya'ari dalam kuliah minggunya di Surau Kampung Sungai Tembak, Parit Panjang Baling Kedah.

⁴ Muhammad Sa'id Umar, 1970, *Tafsir Nur al-Ihsan*. Fatani: Matba'ah Bin Halabi, jld. 1, hlm. 2.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Tafsir Nur al-Ihsan merupakan karya dalam bidang tafsir al-Quran, merupakan karya dalam tafsir yang kedua telah dihasilkan selepas *Tarjumān al-Mustafīd*. *Tafsir Nur al-Ihsan* dikarang menggunakan dialek Melayu Kedah, manakala *Tarjumān al-Mustafīd* yang dikarang oleh Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Singkeli menggunakan dialek Melayu lama Banda Aceh Indonesia⁵. *Tafsir Nur al-Ihsan* menjadi rujukan dalam memahami ayat-ayat al-Quran bukan sahaja oleh orang awam bahkan juga para ilmuan semasa turut menggunakannya sebagai bahan pengajaran. Karya yang bernilai tinggi ini yang telah banyak memberi sumbangan keilmuan kepada masyarakat menyebabkan para sarjana tertarik untuk mengkaji dan membuat penelitian terhadapnya dari pelbagai aspek seperti sejarah, bahasa, pengaruh dan ketokohan pengarang.

Berdasarkan status Syeikh Muhammad Sa'id sebagai salah seorang *qāḍī*⁶ di Jitra, Negeri Kedah, sudah pasti *Tafsir Nur al-Ihsan* menjadi catatan idealismenya. Segala ilmu, pengalaman, pengamatan dan keinginannya dicurahkan dalam tafsir ini ketika ia sedang dihasilkan. Selain itu, *Tafsir Nur al-Ihsan* juga turut menjadi rakaman peristiwa-peristiwa yang telah berlaku sepanjang perjalanan pengarang bermula ketika menuntut ilmu dari ayahnya di Kedah dan dengan guru-gurunya⁷ di Faṭānī sehingga kepulangannya dari Mekah *al-Mukarramah*. Sebagai contoh, pengarang mencatatkan

⁵ Wan Nasyrudin, 2008, "Tafsir Tarjuman al-Mustafid: Kajian Intertekstualiti", *Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan*, Akademi Pengajian Islam, hlm. 25.

⁶ Sekarang disebut sebagai pegawai agama.

⁷ Infra, bab 3, hlm. 80-86.

di dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* jarak perjalanan di antara *Asfān* dan Mekah adalah 77 kilometer⁸ dan *Hunayn* 29 kilometer⁹.

Syeikh Muhammad Sa'id telah berusaha menyusun *Tafsir Nur al-Ihsan* bertujuan membantu masyarakat khususnya masyarakat setempat dalam memahami ayat-ayat suci al-Quran. Sebelum karya ini dihasilkan, seseorang individu terpaksa mempelajari bahasa Arab atau merujuk kepada ulama tertentu untuk mengetahui isi kandungan al-Quran. Namun setelah karya ini terhasil, ia memudahkan masyarakat terutama masyarakat setempat dalam memahami ayat-ayat al-Quran serta meluaskan kefahaman mereka terhadap ilmu-ilmu al-Quran sekaligus mengetengahkan ajaran Islam yang sebenar.

Tafsir Nur al-Ihsan siap ditulis oleh Syeikh Muhammad Sa'id pada empat Rabiulakhir 1346H bersamaan satu Oktober 1927M. Kitab ini mula ditulis pada bulan Zulhijjah 1344H bersamaan Januari 1925M¹⁰. Hamza Muhammad menjelaskan bahawa *Tafsir Nur al-Ihsan* merupakan antara karya terulung yang pernah dihasilkan di Asia Tenggara¹¹.

Tafsir Nur al-Ihsan merupakan sebuah tafsir al-Quran yang masih digunakan sebagai bahan pengajaran dan rujukan sehingga sekarang terutamanya di institusi-

⁸ Muhammad Sa'id, 1970, jld. 1, hlm. 212.

⁹ Ibid, jld. 2, hlm. 144.

¹⁰ Muhammad Sa'id, 1970, jld. 4, hlm. 311.

¹¹ Hamza Muhammad, 2005, "Metodologi Muhammad Sa'id Umar Dalam Tafsir Al-Qur'an: Suatu Kajian Terhadap Tafsir Nur al-Ihsan", *Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan*, Universiti Malaya, hlm. 33.

institusi pengajian pondok¹², di masjid-masjid dan di surau-surau. Walaupun begitu, terdapat banyak kritikan¹³ terhadap kandungan *Tafsir Nur al-Ihsan* diperkatakan dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, Mohd Nazimi Zaim yang merupakan salah seorang pengkaji kandungan karya ini mendedahkan bahawa penulisan karya ini mempunyai kekurangan kerana di sana terdapat kekurangan gaya penulisan yang tidak dinyatakan sumber ambilan fakta dan kekurangan yang disebabkan pengarang banyak menggunakan pendapat yang tidak berasas di dalam pentafsirannya. Hadis-hadis yang terkandung di dalamnya juga tidak dinyatakan *sanad* dan tiada penilaian status¹⁴. Begitu juga dengan Muhammad Ismi yang menyatakan keraguannya terhadap kisah-kisah *al-isrā'īliyyāt* yang terdapat di dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* kerana pengarang tidak menerangkan sumberambilannya secara jelas. Justeru, masyarakat perlu berhati-hati ketika membaca dan merujuknya¹⁵. Walaupun begitu, menurut tinjauan awal kajian mendapati bahawa teks-teks *Tafsir Nur al-Ihsan* ini sebenarnya dipengaruhi oleh banyak tafsir masyhur lagi muktabar seperti *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Jamāl*¹⁶, *Tafsīr al-Nasafī*¹⁷, *Tafsīr al-Ṭabari*¹⁸ dan *Tafsīr Ibn Kathīr*¹⁹ yang

¹² Antaranya ialah pengajian mingguan di Pondok Tuan Guru Haji Bakar Parit Panjang oleh Ustaz Zulkifli bin Jaafar dan Pondok Tuan Guru Haji Soleh Musa oleh Tuan Guru Haji Soleh Musa sendiri.

¹³ Contohnya, kertas kerja bertajuk “Aplikasi Ilmu Takhrij Dalam Kitab Tafsir Melayu: Tinjauan Awal Terhadap Surah Al-Baqarah, Kitab *Tafsir Nur Al-Ihsan* Oleh Al-Shaykh Muhammad Sa'id Bin 'Umar” oleh Fadlan Mohd Othman dan Mohd Fadhil Mohd Faudzi bahawa sejumlah hadith yang terkandung dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* tiada penilaian status sama ada menggunakan lafaz Arab atau Melayu, *Latihan Ilmiah* bertajuk “Israiliyyat Dalam Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Nur al-Ihsan, Karya Haji Muhammad Sa'id bin 'Umar” oleh Muhammad Ismi bin Mat Taib bahawa terdapat banyak kisah-kisah *Israiliyyat* sama ada yang selari dengan Islam atau pun tidak terkandung di dalam tafsir ini dan sebuah disertasi bertajuk *Kajian Takhrij Hadith Dalam Tafsir Nur al-Ihsan* oleh Mohd Nazimi Zaim bin Ismail bahawa terdapat hadith yang berstatus *Mawḍū'* di dalam tafsir ini.

¹⁴ Mohd Nazimi Zaim, 2010, hlm. 4.

¹⁵ Muhammad Ismi bin Mat Taib, 2003. “Israiliyyat Dalam Tafsir: Kajian Terhadap *Kitab Nur al-Ihsan*, Karya Haji Muhammad Sa'id bin 'Umar” *Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan*. Universiti Malaya, hlm. 23.

¹⁶ Muhammad Sa'id, 1970, jld. 1, hlm. 2.

¹⁷ Ibid, jld. 3, hlm. 272.

¹⁸ Ibid, jld. 2, hlm. 159.

¹⁹ Muhammad Sa'id, 1970, jld. 2, hlm. 40.

sememangnya memberi banyak faedah kepada pembaca. Oleh kerana, *Tafsir Nur al-Ihsan* masih digunakan sebagai panduan dan rujukan masyarakat dalam memahami ayat-ayat suci al-Quran secara meluas, usaha pemurnian harus dilakukan. Jika kritikan-kritikan tersebut dibiarkan tanpa usaha pemurnian ini menyebabkan masyarakat akan berasa ragu-ragu terhadap kandungannya malah terus dianggap tidak berguna oleh sesetengah pihak dan mengundang bahaya kepada pembaca.

Di samping itu, Syeikh Muhammad Sa'id merupakan salah seorang tokoh ulama di Malaysia yang banyak memberi sumbangan kepada Negara terutamanya dalam bidang tafsir al-Quran. Walaupun begitu, masih wujud maklumat-maklumat tentang biografi dan ketokohan yang berkaitan dengan Syeikh Muhammad Sa'id belum dikaji sepenuhnya oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, contohnya yang berkaitan dengan pendidikan dan sumbangan-sumbangannya. Permasalahan ini perlu diketengahkan dan diselesaikan supaya khazanah berharga seperti ini dapat dipelihara dan disimpan untuk rujukan dan tatapan generasi yang akan datang. Selain itu, apabila *Tafsir Nur al-Ihsan* diteliti di bahagian pendahuluan, Syeikh Muhammad Sa'id menyatakan bahawa beliau menggunakan *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Bayḍāwī* dan *Tafsīr al-Jamal* sebagai panduan dan rujukan dalam menghasilkan karya, beliau juga menjelaskan terdapat beberapa tafsir lain yang turut dijadikan panduan tetapi tidak pula menyatakan tafsir apakah yang beliau maksudkan? Melalui tinjauan awal pengkaji dapat mengesan teks-teks dari *Tafsīr al-Nasafī* dan *Tafsīr al-Khāzin*²⁰ yang turut mempengaruhi teks *Tafsir Nur al-Ihsan* walhal pengarang tidak menyatakan tafsir tersebut menjadi rujukannya.

²⁰ Ibid, hlm. 52.

Penyelidikan ini bukan sahaja menumpukan karya *Tafsir Nur al-Ihsan* secara langsung, tetapi juga mengkaji teks *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Bayḍāwī* dan *Tafsīr al-Jamal* bagi mengenal pasti dan mengesan teks yang mempengaruhi penulisan *Tafsir Nur al-Ihsan*. Setelah pernyataan masalah yang telah pengkaji nyatakan dapat diselesaikan, diharapkan kajian ini dapat meleraikan keraguan masyarakat terhadap kepentingan *Tafsir Nur al-Ihsan* supaya ia terus diterima umum serta nilai keilmiahannya adalah setanding dengan kitab-kitab tafsir lain yang muktabar.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif yang berkaitan. Objektif-objektif itu ialah:

- a. Mengkaji sumber asal bagi *Tafsir Nur al-Ihsan* tulisan Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar
- b. Menganalisis bagaimana Syeikh Muhammad Said mengambil sumber itu untuk menulis *Tafsir Nur al-Ihsan*.
- c. Menganalisis tujuan dan kesan pengambilan sumber asal itu ke atas penulisan karya *Tafsir Nur al-Ihsan*.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini memperlihatkan beberapa kepentingan yang amat signifikan khususnya dalam penulisan ulama tempatan. Justeru itu, untuk mengkaji sumber asal teks daripada tafsir lain dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* adalah sesuatu yang sangat penting dan bernilai kerana ia dapat membuktikan kemanfaatan kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* karangan Syeikh Muhammad Sa'id kepada masyarakat. Kajian ini menggunakan

pendekatan genetik untuk mengesan sumber asal teks yang dirujuk oleh pengarang yang memberi kesan terhadap intipati teks *Tafsir Nur al-Ihsan*.

Pemilihan pendekatan genetik dalam menjalankan kajian dan sebagai kerangka kajian ini adalah berdasarkan sebab-sebab berikut:

- i. Kelebihan pendekatan genetik khususnya dalam kajian sumber yang memberi penekanan seimbang kepada pengaruh dalaman dan luaran teks dalam membina karya. Budaya, tradisi, sosial, sejarah, falsafah, pendidikan, pengalaman, dan nilai-nilai moral merupakan unsur-unsur dalaman yang berkaitan dengan latar belakang pengarang. Unsur-unsur ini juga mempunyai pengaruh kuat terhadap unsur-unsur dalam diri pengarang, seperti imaginasi, ilusi, pemikiran dan ideologi. Faktor-faktor dalaman tersebut mempengaruhi pemikiran dan ideologi pengarang dari aspek pemilihan tema, penampilan watak serta pelukisan latar dalam lingkungan budaya masyarakatnya. Dengan menerapkan pendekatan ini beberapa persoalan dapat ditangani;
 - a. Pengaruh teks yang manakah mendominasi penulisan syeikh Muhammad Sa'id?.
 - b. Dapat diketahui adakah karya yang dihasilkan itu dinilai dari segi pemikiran pengarang atau metodologinya?.
- ii. Kaitan antara pemikiran dan bahan bacaan. Bahan bacaan yang dibaca oleh pengarang mempengaruhi pemikiran pengarang. Justeru, pengarang mengaplikasi bentuk-bentuk kaedah dalam pendekatan genetik seperti adaptasi, palagit, terjemahan atau peniruan mengikut aspirasi pengarang.

Penerapan pendekatan ini meyakinkan kajian untuk mengenalpasti adakah Syeikh Muhammad Sa'id meangaplikasi ke semua bentuk kaedah genetik tersebut atau beberapa bentuk tertentu sahaja dan bentuk kaedah yang manakah yang paling dominan ditemui dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*?

- iii. Soal kebebasan pengarang untuk mengolah bahan daripada tafsir lain. Melalui penggunaan pendekatan genetik dapat diketahui sama ada Syeikh Muhammad Sa'id memanfaatkan bahan untuk karyanya daripada tafsir-tafsir yang lain atau tidak. Jika ya, tafsir yang manakah yang paling dominan?
- iv. Begitu juga soal kebebasan pengarang membuat tafsiran baru dari segi pemikiran dan teknik. Pengarang bebas mengolah teknik serta melahirkan karya menurut ideologi dan aspirasinya. Justeru, penerapan pendekatan genetik ini dapat meyakinkan kajian dalam memahami ideologi yang terpancar di dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*.
- v. Aspek struktur yang menjadi landasan pembicaraan dan penelitian dalam sesebuah karya seperti pemikiran dan teknik yang digunakan. Penerapan kerangka ini juga meyakinkan kajian untuk memahami keseimbangan antara pemikiran dan teknik penulisan dalam sesebuah karya.

Selain itu, kajian ini penting kerana ia mampu memartabatkan karya *Tafsir Nur al-Ihsan* setanding dan setaraf dengan kitab tafsir lain yang muktabar iaitu dengan mengenalpasti sumber-sumber asal yang terkandung di dalamnya seperti kandungan dari *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Bayḍāwi* dan *Tafsīr al-Jamal*. Dalam pada itu, kajian